

Mampukah varsiti ajar siswa jadi sempurna etika?

► **SIMON CHESTERMAN**

PERBAHASAN di Singapura baru-baru ini mengenai penipuan oleh bakal peguam semasa peperiksaan mungkin hanya sebahagian kecil daripada isu yang lebih besar.

Di seluruh dunia, langkah ke arah pendidikan dan penilaian dalam talian membawa kepada keprihatinan tentang “pandemik penipuan” di satu pihak, atau “keadaan pengawasan yang berlebihan” di pihak yang lain.

Sedang sektor pendidikan menyesuaikan diri dengan kebiasaan baru, dan sedang kita bersedia untuk menyambut pelajar ke tahun akademik baru (bagi saya, Kolej NUS yang baru), terdapat peluang untuk memikirkan semula banyak aspek pendidikan.

Ini termasuk peranan teknologi, gabungan kegiatan aktif dan pasif, serta usaha kami membantu pelajar melihat merentas sempadan disiplin dan geografi.

Tetapi selain pengetahuan, kemahiran dan perspektif, bolehkah kita mengajar nilai? Bolehkah kita mengajar pelajar kita menjadi baik?

Mungkin ada yang berpendapat pelajar datang ke universiti dengan watak mereka sudah terbentuk.

Keluarga, rakan, guru, pemimpin kerohanian dan perkhidmatan negara semuanya memainkan peranan dalam pembangunan itu.

Namun ada sebab mengapa tanggungjawab undang-undang bagi tindakan seseorang berubah dengan peralihan kepada kedewasaan.

Apabila masuk ke universiti, pelajar sudah pun mempunyai prinsip dan cita-cita, serta matlamat dan aspirasi.

Mereka juga mempunyai lebih banyak kebebasan, bersama segala peluang dan risiko yang ada. Bagi kebanyakan pelajar yang tinggal di kampus, ini mungkin kali pertama mereka hidup lebih kurang bersendirian.

Universiti melabur dalam kehidupan asrama sebahagiannya kerana ia menawarkan persekitaran pendidikan yang lebih bermakna.

Bagaimanapun, bagi kebanyakan kita, peranan transformatif pendidikan tinggi berasal daripada masyarakat yang kita sertai. Hubungan sepanjang hayat terbentuk; pilihan tentang kerjaya dibuat.

Semua keputusan ini dibuat berpandukan etika. Dalam sesetengah kerjaya, ini dijelaskan semasa latihan – seperti dalam bidang perubatan dan undang-undang. Dalam kes lain, ia mungkin menjadi subjek penyelidikan teori, seperti dalam falsafah.

Tetapi satu penemuan menarik daripada penyelidikan adalah, walaupun kita tidak mengajar etika secara jelas di dalam bilik darjah, kami masih mengajarnya. Pelajar di universiti mengambil petunjuk moral (moral cues) – walaupun petunjuknya adalah bahawa isu moral bukanlah satu topik perbualan yang digemari.

Inilah sebabnya mengapa universiti mungkin tempat terbaik dan paling teruk untuk mengajar nilai: yang terbaik, kerana pelajar diberi kuasa untuk membuat keputusan sebenar dengan akibat yang nyata; yang paling teruk, kerana jika tersilap langkah ia boleh menjejaskan ijazah, kerjaya atau kehidupan mereka.

Ini merupakan dilema bagi institusi yang fungsi utamanya adalah pendidikan. Cabaran itu menjadi lebih serius apabila ia timbul selepas berlakunya pelanggaran norma masyarakat.

Dahulu, di Singapura dan di tempat lain, terdapat kecenderungan untuk menekankan aspek pendidikan, dan lazimnya cenderung memberi peluang kedua.

Itu adalah salah satu cara untuk mengajar etika, tetapi ia bukanlah paling sesuai – kerana pengajaran itu hanya datang selepas kesilapan dan terlalu kerap mengutamakan “masa depan yang cerah” seseorang yang didakwa melakukan kesalahan berbanding memberi keutamaan kepada kepentingan mangsa.

Dalam kes salah laku seksual, keseimbangan telah sewajarnya beralih supaya “detik pengajaran” sedemikian tidak menjejaskan perlindungan bagi pelajar lain.



– Foto hiasan

“Selain pengetahuan, kemahiran dan perspektif, bolehkah kami mengajar nilai? Bolehkah kami mengajar pelajar kami menjadi baik?”

Mungkin ada yang berpendapat pelajar datang ke universiti dengan watak mereka sudah terbentuk.

Keluarga, rakan, guru, pemimpin kerohanian dan Perkhidmatan Negara semuanya memainkan peranan dalam pembangunan itu.

Namun ada sebab mengapa tanggungjawab undang-undang bagi tindakan seseorang berubah dengan peralihan kepada kedewasaan.”

– Penulis

Sebaik-baiknya, pelajar menghayati dan bertindak mengikut nilai-nilai asas dari awal lagi.

Selain undang-undang yang terpakai kepada semua orang, universiti biasanya mempunyai kod kelakuan yang dipersetujui pelajar untuk mematuhi.

Di Universiti Nasional Singapura (NUS), semua pelajar dan kakitangan juga melengkapkan modul mengenai “Budaya Menghormati dan Persetujuan”.

Etika, sudah tentu, melampaui pematuhan peraturan dan kod. Dari sudut pendidikan, perbincangan jelas tentang etika membantu memupuk kemahiran pemikiran kritis yang lebih umum: mengenal pasti sudut pandangan yang bercanggah, dan mendedahkan rasionalisasi yang salah.

Dari segi perkembangan, perbincangan sedemikian boleh membantu pelajar bersedia untuk isu-isu yang sudah pasti akan mereka hadapi dalam kerjaya dan kehidupan mereka.

Jadi, bagaimanakah etika harus diajar?

Matlamatnya adalah untuk beralih daripada pemahaman dan pengingatan semula piawaian ke arah menyepadukannya dengan nilai peribadi.

Tokoh pihak berkuasa harus menonjolkan nilai tersebut, dengan fakulti dan kakitangan menghadapi piawaian yang lebih tinggi daripada pelajar kita. Tetapi pengamalan etika adalah objektif utama.

Etika bukan sekadar sesuatu yang perlu diketahui; ia adalah sesuatu yang perlu dihayati.

Pembelajaran berasaskan pengalaman menawarkan peluang untuk menggalakkan renungan etika kecuali ia memang diperlukan dalam kerjaya tertentu.

Merentasi semua disiplin, siswazah kita akan menghadapi dilema etika pada masa hadapan, daripada dilema lama seperti ketidakadilan ekonomi kepada yang lebih baru, seperti peranan kecerdasan buatan

dan siapa yang harus menanggung kos perubahan iklim.

Satu komponen inovatif Kolej NUS, yang mengambil kumpulan pelajar pertamanya baru-baru, ialah Pengalaman Impak. Kami akan menghubungkan pasukan pelajar rentas disiplin dengan rakan kerja yang tidak mencari keuntungan untuk membangunkan projek yang akan memberi manfaat kepada masyarakat di Singapura dan di luar negara.

“Pembelajaran perkhidmatan” sedemikian, kami harap, akan menggalakkan pelajar kami melihat diri mereka sebagai pencetus perubahan, serta mengalihkan persoalan etika dari bilik darjah ke kolong blok, pusat masyarakat dan seterusnya.

Jadi, etika ada pada kurikulum sama ada kita suka atau tidak. Dan cara terbaik untuk mengajarnya adalah melalui perbuatan dan bukan hanya renungan.

Pelajar kita sudah tentu akan terus melakukan kesilapan. Kes yang buruk perlu dihukum, melindungi masyarakat kita dan mengukuhkan piawaian.

Namun etika lebih daripada setakat mengajar orang untuk tidak menjadi jahat.

Kami juga tidak mengharapkan pelajar kami menjadi sempurna. Dilema untuk universiti akan kekal sedang kami berusaha untuk menjadi ruang selamat dan ruang pendidikan.

Oleh itu, sebahagian daripada tugas kami adalah untuk menyampaikan dilema itu kepada pelajar kita, memberi mereka pengetahuan dan pengalaman untuk menghuraikan dilema mereka sendiri dan untuk melihat kesan mereka – positif dan negatif – kepada dunia.

Ia adalah tugas yang tidak berkesudahan.

► Penulis ialah naib provos (inovasi pendidikan) di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan dekan Kolej NUS.

Artikel ini pertama kali disiarkan di “The Straits Times”.